

FAKTOR BANJIR KILAT KL

1 Taburan hujan tinggi
106.5 milimeter

2 Sistem saliran dan
perparitan tidak efisien

3 Perangkap keladak
tidak diselenggara

4 Kawasan
tanah rendah

DBKL siap siaga 24 jam pantau banjir

KUALA LUMPUR 19 Mei

- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa bersedia siaga menerusi penubuhan pasukan Skwad Penyelamat DBKL untuk memantau semua kawasan terutama yang berisiko banjir kilat.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi DBKL, Datuk Mohd. Sauffi Mohamad berkata, pasukan itu juga akan bersedia dalam tempoh 24 jam untuk dikerahkan ke lokasi terjejas.

Beliau berkata, selain itu Bilik Gerakan Bantuan Bencana DBKL yang diwujudkan antara usaha untuk memantau dan membantu mereka yang

terlibat dengan bencana alam itu.

“Pasukan ini bertanggung-

jawab memberi khidmat dan mengawal keadaan trafik terutama pada waktu hujan lebat.



MOHD. SAUFFI MOHAMAD (depan) dan Mustafa Mohd Nor melihat pelan kecemasan banjir kilat di Bilik Gerakan Bantuan Banjir di Kuala Lumpur, semalam.

“Malah bilik operasi juga berfungsi untuk meninjau pergerakan trafik di seluruh kawasan ibu negara dan memastikan maklumat bantuan dapat disalurkan secara terus kepada pasukan penyelamat dengan pantas,” katanya ketika ditemui di sini.

Terdahulu beliau meluangkan masa kira-kira sejam melawat dan meninjau operasi Bilik Gerakan Bantuan Bencana DBKL.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Penguatkuasa DBKL, Mustafa Mohd. Nor.

Bilik Gerakan Bantuan Banjir DBKL boleh dihubungi di talian 03 40244244, 03 40267222 atau 019 2120031.



SKUAD Penyelamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digerakkan 24 jam untuk menghadapi banjir kilat berulang di ibu negara.